



**SISTEM ePEROLEHAN  
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA**

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**KENYATAAN TAWARAN**

**TARIKH IKLAN : 6 November 2015**

Tender adalah dipelawa kepada Pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dalam Kod Bidang seperti di bawah dan pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa untuk mengambil bahagian di dalam tender berikut :-

BIL.	BUTIR-BUTIR TAWARAN	JADUAL T/P&P	KOD BIDANG	TARIKH/ MASA/TEMPAT TAKLIMAT (Kehadiran Taklimat adalah WAJIB)	HARGA DOKUMEN (RM)
1.	Tawaran Tender Bagi Membekal, Menghantar, Memasang, Mengkonfigurasi, Menguji Dan Mentauliah Perkakasan, Perisian, Rangkaian Dan Pemasangan Aplikasi Bagi <i>Oral Health Clinical Information System (OHCIS)</i> Di Fasiliti Perkhidmatan Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia  <b>No. Tender : X0251010304150149</b>	172/2015	210101, 210102, 210103, 210104, 210105, 210106, 210107	<b>Tarikh : 12 November 2015</b> <b>Masa : 9.00 pagi</b> <b>Tempat : Bilik Gerakan Seksyen Implementasi Projek, Kementerian Kesihatan Malaysia, Aras 3, Blok E3, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Putrajaya</b>  <b>Nota:</b>  Hanya Penama di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri taklimat dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil.	Secara ePerolehan

**Telecenter:**

**Kaunter Tender,  
Bahagian Perolehan dan Penswastaaan,  
Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 PUTRAJAYA  
No. Telefon : 03-8883 3022**

Dokumen Tender boleh disemak di alamat seperti di atas semasa waktu pejabat selepas taklimat mulai **12 November 2015** atau dengan melayari [www.eperolehan.com.my](http://www.eperolehan.com.my).

<b>ISNIN – KHAMIS</b>	-	<b>8.00 PAGI</b>	-	<b>1.00 PETANG</b>
	-	<b>2.00 PETANG</b>	-	<b>4.00 PETANG</b>
<b>JUMAAT</b>	-	<b>8.00 PAGI</b>	-	<b>12.00 TENGAH HARI</b>
	-	<b>2.45 PETANG</b>	-	<b>4.00 PETANG</b>

Pembekal yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled*. Nombor Rujukan yang dijana oleh sistem ePerolehan boleh diperolehi di Kaunter *Telecenter* di alamat dan no. Telefon seperti di atas selepas taklimat mulai **12 November 2015 dengan hanya perlu membawa No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia atau Salinan Sijil Pendaftaran untuk pengesahan pendaftaran.**

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan dan cadangan ini perlu dikemukakan secara manual pada atau sebelum **3 Disember 2015, jam 12.00 tengah hari.**

Semua dokumen sokongan tender (seperti katalog, profil syarikat dan lain-lain) hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertulis No. Rujukan Unik yang dijana oleh sistem ePerolehan. Sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti tender beralamat seperti di atas pada atau sebelum **3 Disember 2015, jam 12.00 tengah hari.**

#### **Tawaran yang lewat tidak akan diterima.**

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran.

Syarikat/Firma/Koperasi/Pemilikan Tunggal\* hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

\*Yang mana berkenaan

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kesihatan Malaysia.